

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1987/88

SKP 103 -Pengantar Sains Politik

Tarikh : 4 April 1988

Masa : 9.00 pagi - 12.00 t/hari
[3 jam]

Jawab TIGA soalan.

1. Jelaskan dengan ringkas apa yang anda fahamkan tentang:

- [a] fungsi-fungsi ideologi;
- [b] otoriti tradisional, otoriti karismatik dan otoriti legal-rasional;
- [c] politik sebagai pengagihan nilai oleh pihak yang berkuasa;
- [d] kaedah-kaedah yang digunakan oleh kumpulan pendesak (untuk mencapai matlamat);
- [e] ciri-ciri utama sistem politik demokratik.

[100 markah]

2. Tunjukkan perbezaan-perbezaan utama antara:

- [a] Kerajaan Demokratik dengan Kerajaan Otokratik
- [b] Demokrasi Berparlimen dengan Demokrasi Berpresiden
- [c] Parti Politik dengan Kumpulan Pendesak
- [d] Sistem Politik "Moden" dengan Sistem Politik "Tradisional".

[100 markah]

...2/-

3. Apakah saluran-saluran utama penyertaan politik di negara-negara moden. Pilih satu dari saluran-saluran ini dan huraikan peranannya dalam proses politik. Gunakan contoh-contoh.

[100 markah]

4. Apakah fungsi pilihanraya? Huraikan kaedah-kaedah utama dalam menentukan pemenang dalam pilihanraya di negara-negara demokratik.

[100 markah]

5. Sumbangan utama Marx kepada teori kemasyarakatan berkisar di sekeliling soal perubahan dan soal eksploitasi manusia ke atas manusia. Huraikan pandangan Marx tentang soal-soal ini.

[100 markah]

6. Kuasa dan otoriti adalah dua perkara utama dalam politik. Huraikan kedua-dua konsep itu untuk menonjolkan peranan mereka dalam proses pengurusan negara.

[100 markah]

- ooo0ooo -